

# Abū Bakr al-Ṣiddīq

## Orang yang Teguh Iman dan Keyakinannya

(Oleh: Ustaz Hassan Soleh, Pensyarah Kolej Islam)

Dalam kalangan orang Islam di zaman purba, sukar sekali hendak dicari orang yang paling teguh di dalam iman dan keyakinan seperti Abū Bakr al-Ṣiddīq, apatah lagi di zaman sekarang ini makin sukar kerana orang-orang Islam yang tebal imannya jarang didapati. Keteguhan iman Abū Bakr ini bukan sahaja selepas Islam menjulang, tetapi di masa masyarakat jahiliah memang sudah mendapat gelaran yang istimewa “hamba Kaabah”, apabila beliau Islam maka Rasulullah menggelarkan namanya “Abdullah” sambil dipanggilnya dengan pangkat “*atīq*” ertinya orang yang bebas daripada neraka!

Ujar Rasulullah (SAW) “Barang siapa yang hendak melihat orang yang bebas daripada neraka lihatlah kepada ini (Abū Bakr),” setengah ahli sejarah Islam mengatakan sebab pun dinamakan Abū Bakr, kerana beliau orang yang pertama masuk Islam. Kalimah (Bakr) ertinya cepat atau segera di dalam bahasa Arab, jadi munasabah benar kalau dikatakan cepat dia menerima Islam! Beliaulah ulung-ulung orang Arab menerima agama yang suci.

Sebelum Islam dan selepasnya memang beliau orang yang diharap oleh junjungan kita Nabi Muḥammad (S.A.W), selalu bertukar-fikiran dan saling ziarah-menziarahi. Dengan Islamnya beliau, lantas Islamlah sahabat-sahabat yang lain,

seperti Uthmān, Abd al-Raḥmān bin ‘Aūf, Ṭalḥah, Zubayr Sa‘ad Bin Waqās, Abū ‘Ubaydah dan lain-lainnya. Sabda Rasul Allah ketika membandingkan keislaman di antara sahabat-sahabatnya “Apakala aku memujuk orang kepada Islam aku dapati lambat dan berhati-hati, cuma Abū Bakr sahaja, apabila aku mengajak kepada Islam terus menerima dengan tidak ragu-ragu lagi”

Beliau memeluk Islam dengan penuh keyakinan, oleh itu dia mempertahankan Islam dengan gagah berani, apabila dia percaya terus beramal. Beliau seorang yang mempunyai peribadi yang lemah lembut serta mempunyai semangat belas kasihan. Apabila Bilāl seorang daripada sahabat Rasulullah diazab kerana agamanya, kena pukul serta direjam di tengah matahari yang panas, lalu beliau pun membeli Bilāl daripada tuannya supaya menjadi orang bebas.

Dikala Rasulullah mendapat keizinan daripada Allah *subḥānahu wa Ta‘ālā* berpindah ke kota Madinah oleh sebab kaum musyrikin berazam hendak membunuhnya, maka Abū Bakr lah menjadi rakan dan taulan di dalam melarikan diri daripada kezaliman yang tersebut. Tuhan sentiasa memelihara hambanya yang taat setia, akhirnya Nabi dan beliau sampai ke sana dengan selamat dan aman, malah mendapat sambutan

yang hangat serta meriah daripada kaum Ansar. Di Madinah keduanya berjuang menyerukan Islam kepada penduduk Madinah yang mempunyai persediaan menerima agama Islam yang suci.

Ketika Rasulullah sakit yang akhir beliau bersabda:

“Suruhlah Abū Bakr sembahyang dengan orang ramai”

(menjadi imam), jawab orang yang di sekelilingnya

“Biarlah Umar sahaja sebab suara Abū Bakr lebih perlahan

dan suara Umar nyaring!” “Biarlah Abū Bakr menjadi

imam bagi orang ramai!” Setelah itu junjungan kita

pun kembalilah ke rahmatullah. Orang Islam menjadi

bingung setengahnya tidak percaya, sehingga Umar sendiri

pun tidak percaya pada mulanya akan kematian Rasulullah.

Sedang Rasulullah berbaring di atas tempat kematiannya

tibalah Abū Bakr, dengan perasaan gelisah, jiwa yang

terharu, fikiran yang keruh dan hati yang terlalu

dukacita, sambil menundungkan mukanya mengucap

muka Rasulullah, setelah itu ia pun mundur

sedikit sambil berkata “Alangkah harumnya hidup

kamu dan alangkah harumnya kematianmu wahai Pesuruh

Allah!” Lalu dia mundur lagi mengadap khalayak yang

ramai sambil berucap: “Barang siapa yang menyembah

Muhammad, sesungguhnya Muhammad sudah mati, barang siapa

yang menyembah Allah maka Allah tetap kekal, dan tidak ada Muhammad

itu melainkan seorang pesuruh Allah seperti mana Rasul-rasul

yang lainnya sebelum daripadanya, sesungguhnya kalaulah dia

mati atau terbunuh maka kamu berpaling tadah daripadanya!

Barang siapa yang berpaling tadah maka sedikit pun

tidak memberi mudarat akan Allah barang sedikit pun,

dan Tuhan akan membalas orang-orang yang syukur”.

Inilah pidato beliau yang sangat bijak, percakapan

baik yang boleh memberi tenang kepada suasana yang keruh,

dan dapat mempengaruhi orang ramai yang sudah hilang

kepercayaan selepas wafat Nabi Muhammad (SAW), pendeknya

orang ramai telah tenang sementara waktu, selepas itu

berbangkit pula krisis yang memuncak, sebab

perselisihan orang-orang Arab tentang khalifah bagi kaum

Muslimin selepas Nabi! Kaum Ansar menganggap Rasul

itu daripada kumpulannya, orang-orang Ansarlah yang menyokong

Rasul dalam mengembangkan agama Islam, maka khalifah pun

patutlah dipilih daripada golongan Ansar. Orang-orang Mekah

(Muhajirin) memandang orang Muhajirinlah yang lebih berhak

menjadi khalifah Muslimin, sebab Rasulullah itu daripada

orang Mekah. Di samping itu puak-puak yang munafikin pula

mencari kesempatan untuk menyalakan fitnah, sampai

orang-orang Islam hancur.

Perselisihan yang memuncak ini dapat ditentangi dan

dapat diatasi oleh kepintaran Abū Bakr, yang mempunyai

sikap yang lembut, cara bertindak dengan perlahan,

jiwanya yang sejuk sebagai ais itu boleh memadamkan

gelora. Di dalam krisis itu Umar cuba bangkit

hendak bercakap tetapi dilarang Abū Bakr, sebab sikap

Umar yang tegas dan keras itu takut-takut membawakan

yang buruk terhadap orang ramai, yang mahu penyelesaian

secara damai, secara lembut.

Walau bagaimanapun krisis itu tidak dapat

diatasi lagi, perpecahan masih ada, kaum Ansar mahu

Sa‘ad Bin ‘Ubādah menjadi pemimpin mereka, akhir sekali

Abū Bakr memegang dua pemimpin dekat itu, iaitu Umar bin

Khaṭṭab dan Abū ‘Ubaydah. Kata Abū Bakr ini Umar dan

ini Abū ‘Ubaydah pilihlah yang mana seorang yang kamu

mahu!” Jawab Umar: “ Hai Abū Bakr bukalah tanganmu!”

Lalu Umar menepukkan tangannya tanda mahabbah, seraya berkata:

“Tidakkah kamu disuruh oleh Nabi menjadi imam

bagi Muslimin ketika beliau sakit? Kamulah khalifah Allah selepas Nabi! Kami melantik kamu! Kami melantik orang yang paling dikasihi Rasulullah”.

Maka berduyun-duyunlah orang Islam membai‘ah Abū Bakr sebagai menjadi khalifah Muslimin, lantas beliau tampil ke muka berpidato untuk menerangkan polisi pemerintahannya: “Wahai manusia! Aku sekarang menjadi pemerintah kamu, bukanlah bererti aku lebih baik daripada kamu, kalau aku jujur sokonglah aku! Kalau aku khianat hancurkanlah aku! Orang yang lemah di dalam golonganmu aku anggapkan kuat, sehingaku belakan haknya. Orang yang kuat di dalam golongan kamu aku anggap lemah, sehingga aku tarik hak daripadanya. Orang yang tidak berjihad itu akan menerima penghinaan daripada Allah! Keburukan yang merebak di dalam satu kaum itu akan diturunkan Allah bala di atas sekaliannya. Taatlah kepadaku selama aku taat kepada Allah dan Rasul-Nya, kalau aku menderhaka kepada-Nya janganlah kamu patuh lagi.

Dalam pada itu pun banyak lagi perkara-perkara besar dan kesulitan yang baharu timbul yang wajib diatasi dengan segera, yang pertama ada dua orang Arab yang mengaku Nabi! Iaitu Musailamah dan Aswad ‘Ansī, keduanya menganjurkan perpecahan. Yang kedua orang-orang Roman melakukan keributan di sebelah utara. Yang ketiga orang-orang Islam yang belum beriman betul-betul telah tidak mahu membayar zakat kepada khalifah lagi.

Khalifah Abū Bakr yang selalu pendiam, tenang, dan lembut itu mempunyai tenaga batin dan kekuatan jiwa yang besar, walaupun tenang tetapi tegas, walaupun lembut tidak bererti lemah, beliau mengatasi kelembutan itu satu demi satu. Bagi mereka yang enggan memberi zakat beliau mengambil tindakan yang keras sekali, mereka itu digempur, diperangi sehingga tunduk kepada pemerintah.

Di masa beliau memberi selamat tinggal kepada tentera Islam yang hendak memadamkan fitnah dan memerangi kaum-kaum yang enggan memberi zakat katanya: “Wahai manusia dengarlah pesananku yang sepuluh, serta jagalah baik-baik: Jangan kamu mengkhianat, jangan menipu, jangan menceroboh, jangan membunuh kanak-kanak kecil, jangan membunuh orang-orang tua dan perempuan, jangan menyembelih binatang melainkan untuk makan, dan kamu akan berjumpa dengan orang-orang ahli agama yang berdiam di dalam gereja, biarlah mereka beribadah!”

Satu polisi yang perlu diambil perhatian ialah Abū Bakr sebagai seorang pemerintah dan seorang pengatur masyarakat, walaupun beliau berjiwa lembut tetapi terhadap hak kemasyarakatan dia tidak berganjak dan tidak bertolak ansur. Ini sesuai benar dengan tuntutan sosial. Umar memandang bahawa orang Islam yang mengucap, sembahyang, puasa dan tidak mahu membayar zakat tidak harus diperangi mereka.

Umar berpandu kepada sebuah hadis “Aku disuruh memerangi orang-orang sehingga mereka mengucap dua kalimah syahadah, barang siapa yang mengucapkan terpeliharalah harta dan darahnya daripadaku”. Abū Bakr berpendapat itu belum cukup. Ertinya kalau mengucap dan sembahyang dan tidak mahu membina masyarakat belum cukup iman, katanya: “Demi Allah kalau mereka itu enggan membayar zakat binatang yang mereka itu memberi kepada Rasulullah nescaya aku perangi mereka itu.

Demikianlah sikap Abū Bakr yang tegas, khalifah Islam yang sanggup mententeramkan suasana yang keruh dan mempunyai peribadi yang lemah lembut. Maka benarlah Rasulullah mengatakan kalau ditibangkan iman Abū Bakr dengan dengan iman orang-orang Islam nescaya imannyalah yang lebih tebal.